

# Team 1MDB johan Debat Terbuka Ekonomi Piala Pengarah 2016

UB 6.5.2016 B4

LABUAN: Team 1MDB muncul johan Debat Terbuka Ekonomi Piala Pengarah Edisi Kedua Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2016, baru-baru ini.

Pasukan itu yang diwakili Shahfarhan Ra'as (UMSKAL) dan Norzatul Bardah Baharuddin (UMSKK) menerima hadiah berupa wang tunai RM800, piala pusingan sumbangan Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik, trofi dan sijil penyertaan.

Naib johan Team Wall Street Journalist yang diwakili Muhammad Izzat Amirul Mohd Saidey dan Rohana Naseebgul menerima RM500,



**GEOFFREY (lima kanan) bersama juara Debat Terbuka Ekonomi Piala Pengarah 2016.**



**NAIB johan Team Wall Street Journalist menerima hadiah daripada Geoffrey.**



**GEOFFREY memukul gong pada majlis perasmian Debat Terbuka Ekonomi Piala Pengarah 2016.**

trofi dan sijil penyertaan.

Team Mutiara Ilmu yang menduduki tempat ketiga diwakili Nurul Fazrin Mohd Faiz dan Nur Jannah Mohd Firdaus memenangi RM200, trofi dan sijil.

Manakala pendebat Mohd Shaffiq Bakar dan Syukri Sanawi yang mewakili Team Tony menduduki tempat keempat juga menerima RM200, trofi dan sijil.

Turut mengambil bahagian, Muhammad Fahmie Azmi dan Ida Afifah Mohd Hazani (UMSKK), Faizuan Dullah dan Sharadjane Rasul, pendebat dari Sekolah Menengah Sains Sabah, Mohd Khairul Farhan Baharudin dan Jahmain Jave serta Mohd Fahmi Ramdan Mohd Sadar dan Fatina Asmat dari Politeknik Kota Kinabalu.

Pendebat terbaik keseluruhan dimenangi Muhammad Fahmie Azmi dari UMS Kota Kinabalu untuk menerima plak manakala pendebat terbaik sidang akhir ialah Muhammad Izzat Amirul Mohd Saidey (Alumni UMSKK) sekaligus menerima

RM100, trofi dan sijil.

Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Timbalan Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal di Dewan Utama UMSKAL.

Turut hadir, Pengetua Kolej Kediaman UMSKAL Nona Masnie Haji Mohd Nistah, Penolong Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Pelajar Mohd Fadzli Sarudi, Penyelaras Program Debat Terbuka Ekonomi Piala Pengarah 2016 Jonathan Likh, Pengarah Program Nur Amanina Atikah Abd Rashid, Yang Dipertua Jakmas Alpha/Beta Thinakaran A/L Suppiah dan wakil Majlis Perwakilan Pelajar UMSKAL Tan Chiew Nan.

Pusingan akhir debat itu diadili Jumrat Minsun (Pegawai Majlis Debat Universiti Malaysia, UMSKK), Samsulbahri Mohd Nasir (Pensyarah UMSKAL), Farik Madun (Guru Bahas SJKC Chi Wen), Yahya Burhanuddin (Guru Bahas Sekolah Menengah Sains Labuan) dan Yahya Ahmad Putih (Penolong Kanan HEM SMK Ranche-Ranche).

Sebanyak 17 pasukan dari Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah menyertai Pertandingan Debat Terbuka Ekonomi Piala Pengarah UMSKAL Kali Kedua 2016.



**NUR Amanina (belakang kanan) bersama AJK Pelaksana Debat Terbuka Ekonomi Piala Pengarah 2016.**

Antara pasukan itu ialah UMS Kota Kinabalu yang menghantar tiga pasukan, UMSKAL (4), UMS Kampus Sandakan (1), Politeknik Kota Kinabalu (4) dan Sekolah Menengah Sains Sabah (SMESH) Kota Kinabalu (3).

Turut mengambil bahagian Alumni UMS luar dan lima pasukan yang dibarisi penjawat awam sekitar Borneo.

Pertandingan tahunan itu dianjurkan oleh Kelab Debat Bahasa Melayu Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dengan kerjasama Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP).

Nur Amanina Atikah berkata program itu diadakan untuk melahirkan mahasiswa yang mampu berfikir secara kritis dan spontan dalam menganalisis sesuatu isu untuk dipraktikkan dalam kelas, pembelajaran dan

kehidupan seharian.

Di samping itu, program itu dapat mengukuhkan lagi kemahiran insaniah (soft skill) pelajar untuk bekalan pada masa akan datang.

Beliau berkata ia juga menyahut Falsafah Pendidikan Negara iaitu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

"Selain itu, pertandingan itu adalah untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara UMS Labuan, UMS Kota Kinabalu (induk), UMS Sandakan, universiti awam dan sekolah di Kepulauan



**NONA Masnie menyampaikan hadiah pendebat terbaik final kepada Muhammad Izzat diperhatikan Jonathan (kiri).**



**MOHD Fadzli menyampaikan cenderamata kepada hakim debat, Mohd Samsulbahri diperhatikan Nur Amanina (kiri).**

Borneo.

"Pertandingan itu juga untuk meningkatkan mutu persaingan dalam kalangan pelajar dan memberi peluang kepada para pelajar yang terlibat untuk bertukar-tukar idea dan ilmu sepanjang penglibatan dalam program berkenaan," katanya.

Nur Amanina Atikah dan Jonathan merakamkan ucapan

penghargaan dan terima kasih kepada Murnizam yang membiayai Piala Pusingan Debat Terbuka Ekonomi Piala Pengarah 2016.

Beliau yang juga Ahli Kelab Debat Bahasa Melayu UMSKAL turut mengucapkan terima kasih kepada 43 pelajar yang menjadi Ahli Jawatankuasa Pelaksana pertandingan itu pada tahun ini.